

Kenyataan Nik Aziz berhubung isu syurga, neraka Jelas salah di sisi Islam

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
rafie.azimi@utusan.com.my

NILAI 19 Ogos – Kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa penyokong UMNO tidak akan masuk syurga adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof. Datuk Abdul Shukor Husin berkata, ia selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh jawatankuasa itu pada tahun 2000 iaitu ketentuan seseorang Islam masuk syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah SWT.

Katanya, keputusan mengenai isu telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat ke-188 pada Mac 2001.

“Justeru, dakwaan mengatakan pengakuan dan sokongan kepada orang, pertubuhan atau parti-parti tertentu diperlukan sebelum seseorang layak ke syurga atau neraka menyalahi ajaran Islam.

“Jawatankuasa juga berpendapat sesiapa yang mengajar atau menyebarkan pandangan dan fahaman seperti ini adalah salah dan menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar di Bangunan Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



ABDUL SHUKOR HUSIN

di sini hari ini.

Abdul Shukor yang juga Naib Canselor USIM menambah, Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa “semulia-mulia manusia di sisi Allah adalah orang yang bertakwa”.

Menurutnya, tidak kira warna kulit, bangsa, keturunan atau kepercayaan politik, asalkan individu itu soleh dan bertakwa maka

orang itu mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.

Ditanya apa yang sepatutnya dilakukan oleh Nik Abdul Aziz setelah mengeluarkan kenyataan sedemikian, beliau percaya, Mursyidul

Am Pas itu tahu apa yang perlu dibuat selain memintanya membetulkan kenyataan.

“Sebagai orang yang faham agama, saya fikir dia tahu apa yang perlu dilakukan.

“Cuma saya minta dia membetulkan kenyataan agar umat Islam tidak terkeliru dengan pandangannya yang dianggap tokoh agama,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan semua ahli politik agar tidak menggunakan agama hanya untuk kepentingan politik masing-masing.

“Tiada salahnya berpolitik. Tetapi apabila tiba kepada isu agama, bersatulah kita kerana Islam perlu diletakkan di tempat tertinggi di dalam kehidupan,” katanya.

KENYATAAN PENUH PENERUSI JAWATANKUASA MUZAKARAH MAJLIS FATWA KEBANGSAAN

MERUJUK kenyataan yang dikeluarkan media pada 18 Ogos 2009 seperti *Utusan Malaysia* mengenai isu atau dakwaan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa penyokong/ahli UMNO tidak akan masuk syurga.

Sebenarnya isu ini telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan sejak tahun 2000 lagi dan keputusan muzakarah itu telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali ke-188 pada 21 hingga 23 Mac

2001 iaitu ketentuan seseorang Islam masuk syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah SWT.

Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang, pertubuhan atau parti-parti tertentu diperlukan sebelum seseorang itu layak masuk ke syurga atau neraka adalah salah menurut ajaran Islam.

Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan juga berpendapat sesiapa sahaja yang mengajar atau menyebarkan pandangan atau fahaman seperti ini adalah

salah dan menyeleweng dari ajaran Islam sebenar.

Sehubungan itu, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan ingin menasihatkan kepada umat Islam terutamanya kepada mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang Islam hendaklah berhati-hati dan tidak menimbulkan perkara-perkara yang tidak betul atau bidaah yang boleh mengelirukan dan memecah-belahkan umat Islam.

Kepada orang ramai, ingin saya

nyatakan bahawa dalam ajaran Islam yang sebenar, tidak sesiapa boleh menentukan seseorang itu berhak masuk syurga atau neraka.

Hanya Allah SWT sahaja yang mempunyai hak mutlak dan boleh memasukkan seseorang itu ke syurga atau neraka berdasarkan kepada keimanan dan ketakwaan seseorang itu atau sebaliknya.

Oleh itu, janganlah kita mudah terpengaruh dengan pandangan-pandangan yang aneh, jauh dari kebenaran dan boleh menyesatkan kita.